



جباتن كحاكيمن شرعيه مليسيا  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800  
Fax: 03-8889 1627

JKSM/100-24/5 Jld. 3( 22 )

11 Jamadilakhir, 1426H/  
18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri

**Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005**

**Maksud Perkataan Bertindak atau Berkelakuan Tidak Sopan  
Di Dalam Seksyen 29 Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah  
Syariah Negeri-Negeri**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10-12hb April 2005 bersamaan 1-3 Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan maksud perkataan "***bertindak atau berkelakuan tidak sopan***" di bawah Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau dalam mana-mana Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri, adalah apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah:-

- (i) bercumbu-cumbuan;
- (ii) berpeluk-pelukan;
- (iii) pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan; atau
- (iv) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia